



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 29 APRIL 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SUBSIDI MINYAK DAPAT KURANGKAN KOS NELAYAN, NEGARA, KOSMO, M/S – 4	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
2.	PESAWAH MINTA KERAJAAN NAIK HARGA BERAS, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 7	LAIN – LAIN
3.	KADAR SARA DIRI DAGING BABI DI SELANGOR 15%, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 18	
4.	BEKALAN DAGING BABI IMPORT DIKAWAL KETAT, NASIONAL, SINAR HARIAN, M/S – 20	
5.	PENTERNAK IKAN SANGKAR RUGI BESAR AKIBAT FENOMENA 'AIR MATI', DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
6.	SEKINCHAN 'PADI' FESTIVAL SET TO BRING IN 15,000 , EVENTS, THE STAR, M/S – 7	
7.	BAJA ORGANIK IWK: ALTERNATIF LESTARI BAGI PEKEBUN KECIL DEPANI KRISIS BEKALAN BAJA, SINAR HARIAN, M/S – 9	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2026	KOSMO	NEGARA	14

## Subsidi minyak dapat kurangkan kos nelayan

**KEMAMAN** – Subsidi 50 liter diesel dan petrol sehari mampu meringankan beban perbelanjaan nelayan walaupun ia sebenarnya tidak dapat menampung seluruh kos operasi golongan tersebut.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Muhammad Faiz Fadzil berkata, kuota maksimum 50 liter tersebut mencukupi untuk operasi harian dan secara keseluruhan kerajaan memperuntukkan 70 juta liter sebulan.

Kataya, setakat ini hanya nelayan C2 yang tidak mendapat subsidi kerana mereka mempunyai kemampuan selaku syarikat besar.

“Subsidi membolehkan nelayan Zin A, B dan C menikmati minyak petrol dan diesel pada harga RM1.65 sen seliter.

“Kita sedang pertimbangkan permintaan nelayan C2 untuk mendapatkan subsidi,” katanya selepas menyampaikan bakul makanan kepada 71 pemegang lesen sampan khas di Kijal di sini semalam.

Menurut Muhammad Faiz, nelayan yang mempunyai lesen sah bukan hanya menerima subsidi diesel dan petrol, malah insentif lain termasuk elaun sara hidup dan insentif tangkapan ikan bagi menggalakkan peningkatan produktiviti sektor perikanan.



**MUHAMMAD FAIZ (empat dari kiri)** menyerahkan bakul makanan kepada sebahagian nelayan di Kijal, Kemaman semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2026	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

## Pesawah minta kerajaan naik harga beras

**ALOR SETAR:** Pesawah meminta kerajaan menaikkan harga beras tempatan dan harga lantai belian padi agar selari dengan peningkatan kos pengeluaran yang ditanggung mereka.

Cadangan kenaikan harga beras tempatan sekitar RM40 hingga RM50 bagi setiap 10 kilogram dan meningkatkan harga lantai belian antara RM2,500 hingga RM3,000 per tan adalah keperluan mendesak.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Siputeh, Mohd. Ashraf Mustaqim Badrul Munir berkata, cadangan itu berasaskan realiti semasa yang semakin mencabar, termasuk kenaikan harga input pertanian, risiko tanaman akibat faktor cuaca serta tekanan kos sara hidup yang kian meningkat.

Katanya, jika negara mahu

memastikan pesawah terus kekal di sawah dan menjadi benteng utama keterjaminan makanan maka nilai ekonomi terhadap hasil titik peluh golongan itu perlu dinilai semula secara lebih adil dan munasabah.

“Pesawah hari ini bukan meminta keistimewaan berlebihan. Apa yang mereka tuntutan adalah keadilan dari segi pulangan, perlindungan risiko yang lebih baik serta dasar yang benar-benar menyebelahi pengeluar tempatan,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Pada 24 April lalu, akhbar ini melaporkan kekayaan industri padi mencecah RM2 bilion setahun di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) tidak dinikmati para peladang dalam sektor itu perlu dikembalikan kepada mereka.

Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata, hasil kekayaan itu selama ini hanya diraih pihak lain yang menguasai rantaian industri itu sedangkan liku-liku kepayahan dalam mengerjakan sawah dilalui para petani.

Sementara itu, Mohd. Ashraf turut menggesa kerajaan meneliti secara serius cadangan menubuhkan semula Lembaga Padi dan Beras Negara sebagai badan berkanun yang berfungsi secara lebih berkesan dalam membela nasib pesawah serta mengawal selia industri berkenaan.

Beliau yang juga Koordinator Gerakan Melawan Penindasan Petani (Gempita) berkata, penubuhan semula lembaga itu penting bagi memastikan pengurusan stok beras negara lebih terjamin, kestabilan pasaran

dapat dikawal serta keberangtungan terhadap import dapat dikurangkan.

“Sudah sampai masanya kita menilai semula sama ada struktur sedia ada benar-benar cukup ampuh untuk menjaga kepentingan pesawah dan rakyat, atau negara perlu kembali kepada satu institusi awam yang jelas mandatnya dalam sektor ini,” katanya.

Tambahnya, dasar import beras juga wajar disemak semula agar tidak menekan harga pasaran tempatan sehingga menjejaskan pendapatan pesawah.

“Pesawah tidak boleh terus dibiarkan menanggung beban sendirian. Jika kerajaan benar-benar serius mahu mempertahankan nasi di pinggan rakyat, maka tindakan berani, jujur dan berpihak kepada pesawah perlu dilaksanakan segera,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/4/2026	HARIAN METRO	LOKAL	18

## Kadar Sara Diri daging babi di Selangor 15%

**Shah Alam:** Kadar Sara Diri (SSR) daging babi di Selangor merosot mendadak kepada 10 hingga 15 peratus susulan penularan wabak penyakit.

**EXCO Infrastruktur dan Pertanian Negeri, Datuk Ir Izhah Hashim** berkata, sebelum ini bekalan daging ternakan itu sekitar 60 peratus.

Katanya, ia dijangka pulih dalam tempoh terdekat apabila langkah kawalan dan pemulihan dilaksanakan dan bagi menampung kekurangan bekalan, kerajaan negeri sebelum ini membenarkan import ternakan hidup secara terkawal.

“Kami benarkan lesen import babi hidup dari Sarawak sekitar 800 ekor seminggu, tetapi dengan syarat sangat ketat,” katanya ketika menjawab

pertanyaan tambahan daripada **Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (PN-Hulu Kelang)** pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor di sini, semalam.

Terdahulu, Mohamed Azmin mengemukakan soalan berhubung peraturan bekalan babi import di Selangor ketika ini.

Izhah berkata, antara syarat yang dikenakan adalah semua ternakan import tidak dibenarkan singgah di mana-mana lokasi dan perlu dihantar terus ke pusat penyembelihan di Rawang untuk diproses sebelum dipasarkan.

Katanya, ada juga kemasukan bekalan dari Perak, namun prosedur ketat terus dikuatkuasakan bagi mengelakkan risiko jangkitan penyakit.

# Bekalan daging babi import dikawal ketat - Izhah

**SHAH ALAM** - Bekalan ternakan babi di negeri ini merosot mendadak kepada sekitar 10 hingga 15 peratus susulan penularan wabak penyakit.

Exco Infrastruktur dan Pertanian negeri, Datuk Iir Izhah Hashim berkata, situasi itu dijangka pulih dalam tempoh terdekat apabila langkah kawalan dan pemulihan dilaksanakan.

Menurutnya, bagi menampung kekurangan bekalan, kerajaan negeri membenarkan import ternakan hidup secara terkawal.

"Kita benarkan lesen import babi hidup dari Sarawak sekitar 800 ekor, tetapi dengan syarat sangat ketat," katanya ketika menjawab pertanyaan tabuhan **Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (PN-Hulu Kelang)**.

Terdahulu, Mohamed Azmin mengemukakan soalan berhubung peratusan bekalan babi import di Selangor ketika ini.

Izhah berkata, semua ternakan diimport tidak dibenarkan singgah di



mana-mana lokasi dan perlu dihantar terus ke pusat penyembelihan di Rawang untuk diproses sebelum dipasarkan.

Katanya, terdapat juga kemasukan bekalan dari Perak, namun prosedur ketat terus dikuatkuasakan bagi mengelakkan risiko jangkitan penyakit.

"Langkah ini penting bagi memastikan bekalan tidak membawa sebarang penyakit," katanya.

Dalam masa sama, beliau berkata, kerajaan negeri turut memantau bekalan daging babi sejuk beku dan karikasan bagi memastikan keperluan pasaran mencukupi.

Ujarnya, situasi itu hampir sama dengan bekalan daging lembu yang hanya sekitar lima peratus dihasilkan secara tempatan manakala selebihnya bergantung kepada import.

"Kerajaan negeri juga mahu memastikan segala bekalan sama ada segar atau beku mencukupi untuk pengguna," jelasnya.

# Penternak ikan sangkar rugi besar akibat fenomena 'air mati'



**MAT Sim Omar melihat bangkai ikan yang dibawa naik ke darat dari sangkar untuk dilupuskan di Kampung Gong Batu, Besut, Terengganu. - UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI**

**Oleh WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI**  
utusannews@mediamallia.com.my

**SETIU:** Tiga penternak ikan sangkar di Kampung Gong Batu di sini, kerugian kira-kira RM67,000 akibat fenomena 'air mati' atau arus sungai tidak bergerak sehingga kadar oksigen menurun yang berlaku kelmarin.

Antara ikan yang mati adalah siakap putih, siakap merah, tilapia dan kerapu fibrid.

Seorang penternak, Mat Sim Omar, 52, berkata, dua tan metrik ikan siakap putih yang sepatutnya dijual minggu depan mati susulan kejadian 'air mati' yang berlaku awal pagi kelmarin.

"Saya hanya menyedari kejadian ikan mati akibat kekurangan oksigen kira-kira pukul 8 pagi semasa datang untuk memberi makan ternakan di sangkar.

"Ketika itu, ikan-ikan ini dalam keadaan 'lemas' dan saya terus memasang mesin oksigen sebagai langkah menyelamatkan ikan tersebut namun gagal," katanya di Kampung Gong Batu.

Menurut Mat Sim, 10 daripada 25 buah sangkar ikan yang diusahakannya, tidak sempat diselamatkan.

Katanya, bangkai-bangkai ikan tersebut dibawa naik untuk dilupuskan bagi mengelak pencemaran bau dan sungai.

Seorang lagi penternak, Mohd. Nazemi Nawi, 48, yang mengusahakan ikan tilapia berkata, temakannya pula mati sejak Sabtu lalu disebabkan lokasi sangkarnya berada di kawasan yang cetek.

"Ia tidak mati sekali gus tetapi secara berperingkat sehingga mencecah 2,300 ekor ikan yang baru mencecah umur dua bulan. Mesin oksigen turut dipasang bagi mengelak kerugian lebih besar selain cuba menyelamatkan baki ikan yang ada di dalam sangkar," katanya.

Sementara itu, Mohd. Fendi Tahar, 37, pula berkata, kejadian tersebut sering berlaku iaitu tiga atau empat kali setiap tahun.

Justeru katanya, sebagai pengusaha sangkar ikan mereka perlu sentiasa memantau parasurut air sungai bagi meminimumkan kematian ikan semasa.

Sekumpulan anggota dari-pada Jabatan Perikanan Malaysia Daerah Setiu telah turun ke lokasi bagi membuat siasatan berhubung kematian ikan dalam jumlah yang banyak.

TARIKH  
29/4/2026

MEDIA  
UTUSAN  
MALAYSIA

RUANGAN  
DALAM  
NEGERI

MUKA  
SURAT  
29

STARMETRO, WEDNESDAY 29 APRIL 2026

Events 7



Terminal Sekinchan features a real aeroplane in the 'padi' field, offering visitors a unique photo opportunity. — Photos: Bernama



Visitors enjoying a tram ride at the festival which featured many activities from noon to night.

ONE of Selangor's key tourism attractions, the annual "Festival Sawah Padi Sekinchan", has been attracting a growing number of domestic and international visitors.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Amirudin Shari said the festival has helped strengthen agrotourism.

"Selangor is focused on environmental and agricultural tourism in the Sabak Bernam Development Area (Sabda).

"Tourism has grown by more than 30% as a result of various programmes and continuous efforts in promoting the area," he said in his speech during the event launch at Terminal Sekinchan.

Also present were state local government and tourism committee chairman Datuk Ng Suee Lim and Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) group chief executive officer Datuk Saipolyazan M. Yusop, reported Bernama.

Commenting on the introduction of the sustainability fee on tourists since January, Amirudin said the proceeds would be channelled towards upgrading public amenities and redeveloping areas affected by disasters like flood.

The festival, organised by

# Sekinchan 'padi' festival set to bring in 15,000

Annual event offers noctourism, outdoor movie screenings, guided tours, tram rides, traditional games, concert

Tourism Selangor together with various government agencies and private strategic partners, featured a more dynamic concept this year.

For the first time, the event stretched into the night in line with the trend for noctourism and visitors watched the sun set over the padi fields and joined activities such as the "Sawah Padi Run" starting at dusk.

It also featured more than 35 vendors under Platform Selangor (Plats) offering a variety of local food, outdoor movie screenings, guided tours, tram rides, traditional games, concerts and voluntourism.

The festival aimed to attract 15,000 visitors.



(From fifth left) Amirudin and Ng with other state officials and visitors at 'Festival Sawah Padi Sekinchan'.

# Baja Organik IWK: Alternatif lestari bagi pekebun kecil depan krisis bekalan baja

**Inisiatif hasilkan baja organik berasaskan biosolid daripada proses rawatan kumbahan**

Ketidaktentuan geopolitik dunia kini memberi kesan langsung kepada sektor pertanian global, termasuk Malaysia. Laporan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) menunjukkan gangguan bekalan baja akibat konflik antarabangsa telah mencetuskan ancaman serius terhadap keselamatan makanan melalui pengurangan pengeluaran dan peningkatan harga.

Situasi ini menjadi semakin kompleks apabila konflik di Timur Tengah serta sekatan eksport oleh negara pembekal utama seperti China menjejaskan rantaian bekalan. Kesannya, kos dan ketersediaan baja menjadi tidak menentu, sekali gus memberi tekanan kepada petani tempatan.

Semasa pelancaran Dasar Keselamatan Makanan Negara 2023 (DKMN 2030), Timbalan Perdana Menteri, Datuk Amar Fadillah Yusof menegaskan bahawa kebergantungan terhadap bekalan luar menjadikan negara terdedah kepada kejutan ekonomi global yang akhirnya memberi kesan kepada rakyat melalui peningkatan harga makanan.

## Kebergantungan import tambah risiko

Malaysia ketika ini hanya mampu menghasilkan sekitar 39 peratus keperluan baja domestik. Selebihnya bergantung kepada import, termasuk dari China yang membekalkan sebahagian besar baja negara.

Dalam masa sama, gangguan laluan perdagangan utama seperti Selat Hormuz yang membawa sebahagian besar perdagangan baja dunia turut meningkatkan kos logistik dan tempoh penghantaran.

Keadaan ini menyebabkan pengeluar baja tempatan berdepan kenaikan harga bahan mentah sebanyak 100 hingga 150 peratus dalam tempoh singkat.

Bagi petani berskala besar, cabaran ini mungkin masih boleh ditampung. Namun bagi pekebun kecil, kesannya jauh lebih besar. Dengan sumber kewangan



IWK kini berupaya menghasilkan antara empat hingga lima tan baja organik sehari.

terhad dan keluasan tanah kecil, mereka sukar menyerap kenaikan kos serta menghadapi risiko gangguan bekalan yang berpanjangan.

## Pekebun kecil paling terkesan

Kebergantungan kepada baja import menjadikan pekebun kecil antara golongan paling terdedah. Tanpa akses konsisten kepada baja, hasil tanaman boleh terjejas, sekali gus menjejaskan sumber pendapatan mereka.

Berbeza dengan syarikat besar yang mampu membeli secara pukal atau menyerap kos tambahan, pekebun kecil memerlukan pendekatan lebih praktikal dan kos efektif untuk terus bertahan.

Justeru, penyelesaian tempatan yang mampan dan berdaya saing dilihat semakin penting dalam membantu golongan ini menghadapi cabaran semasa.

## Inovasi baja organik IWK

Dalam konteks ini, Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd melalui Indah Water Research Centre (IWRC) tampil dengan inisiatif menghasilkan baja organik berasaskan biosolid daripada proses rawatan kumbahan.

Kajian pra-pengkomersilan yang dijalankan mendapati baja tersebut berupaya meningkatkan pertumbuhan tanaman dan memperbaiki kualiti tanah. Ujian melibatkan tanaman landskap seperti Vinca dan Marigold, serta tanaman makanan seperti okra, sawi dan terung menunjukkan hasil yang positif.

Baja ini membekalkan nutrien penting seperti nitrogen, fosforus dan kalium yang diperlukan untuk perkembangan

menunjukkan peningkatan ketara dari segi biomasa dan pertumbuhan vegetatif.

Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam berkata, penggunaan baja tersebut mampu mengurangkan kos pembelian baja sehingga 68 peratus, sekali gus memberi kelegaan kepada pekebun kecil.

Menurutnya, pendekatan formulasi baja organik ini memberi tumpuan kepada keberkesanan nutrien bagi setiap penggunaan, berbanding kebergantungan kepada kuantiti tinggi seperti baja kimia.

Baja organik IWK dihasilkan daripada enap cemar kumbahan yang dirawat dan mengandungi kira-kira tujuh peratus unsur NPK. Selain membekalkan nutrien, ia juga membantu menstabilkan keasidan tanah dan menyokong ekosistem tanah yang lebih sihat.

Dari segi keselamatan, baja ini telah melalui pelbagai ujian termasuk analisis toksikologi oleh SIRIM yang mengesahkan ia selamat digunakan tanpa risiko pencemaran.

Malah, penggunaannya turut mendapat pengiktirafan apabila Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam memutuskan bahawa baja berasaskan biosolid adalah harus, dengan syarat selamat dan memberi manfaat. Keputusan ini disokong oleh negeri Pahang berdasarkan keputusan awal daripada Negeri Sembilan, Kedah dan Selangor.

## Hala tuju dan potensi masa depan

Pada masa sama, IWK kini berupaya menghasilkan antara empat hingga lima tan baja organik sehari, dengan potensi pengembangan di empat wilayah - Utara, Tengah, Timur dan Selatan Semenanjung Malaysia bagi mengurangkan kos logistik.

Walaupun belum memenuhi keperluan industri perladangan berskala besar, baja organik IWK dilihat sebagai alternatif praktikal untuk pekebun kecil. Inisiatif ini bukan sahaja membantu mengurangkan kebergantungan kepada baja import, malah menyokong kelestarian alam sekitar melalui pendekatan ekonomi kitaran.



Pokok kelapa selepas penggunaan baja organik IWK dan penggalak tanaman IWK.

tanaman, sekali gus membuktikan keberkesannya sebagai alternatif kepada baja konvensional.

## Keberkesanan terbukti di lapangan

Percubaan di ladang kelapa menunjukkan pokok yang terjejas akibat cuaca panas melampau berjaya dipulihkan selepas penggunaan baja organik IWK bersama penggalak tumbuhan IWK selama lima bulan. Pokok kembali subur dengan pertumbuhan pelepas baharu dan penghasilan buah.

Selain itu, penggunaan pada rumput Napier selama 15 bulan turut



Fasiliti pembuatan baja organik IWK bagi menampung keperluan bekalan baja negara dalam situasi krisis semasa.

Parameter	Unit	MS 1517:2012 Organic Fertilizer - Spec	MS 2532:2013 Fortified Organic Fertilizer - Spec	IWK Dried Biosolids (Average)	IWK Organic Fertiliser (Average)
pH	-	No Limit	5-8	5-6	8-9
Nitrogen (N)	%	>1.5±20%	No Limit	5.3	1.24
Phosphorus (P)	%	No Limit	No Limit	1.38	1.27
Potassium (K)	%	No Limit	No Limit	0.12	5.54
Moisture	%	<30±10%	<30±10%	24.5	33.02
C/N Ratio	-	<25:1±20%	<25:1±20%	7:1	14:1
Organic Matter	%	>50±10%	>30±10%	62.8	28.6
<b>Heavy Metals</b>					
Chromium (Cr)	mg/kg	200	200	18.5	14.7
Lead (Pb)	mg/kg	300	300	19.3	12.28
Nickel (Ni)	mg/kg	150	150	15.1	11.41
Cadmium (Cd)	mg/kg	5	5	2.24	1.41
Arsenic (As)	mg/kg	50	50	42.7	17.54
<b>Pathogen</b>					
E.Coli	cfu/g	<10	<10	<10	<10
Pseudomonas aeruginosa	cfu/g	<10	<10	<10	<10
Salmonella	-	None	None	None	None
Staphylococcus aureus	cfu/g	<10	<10	<10	<10

Jadual menunjukkan perbandingan antara had parameter yang dibenarkan di bawah Piawaian Malaysia dengan parameter bagi Biosolid Kering IWK dan baja organik IWK.